

Memartabat kraf warisan

Inisiatif Kraftangan Malaysia iktiraf lebih ramai adiguru

USAHA mengangkat dan memelihara kraf warisan bukan sekadar membawanya menjelajah dunia, memperhebat jentera promosi hingga menakluki gedung beli-belah atau menganjurkan karnival tahunan. Kelangsungan kraf sebaliknya dihidupkan menerusi perkongsian ilmu dengan adiguru, terutama yang dilantik oleh Kraftangan Malaysia.

Projek perkongsian kemahiran kraf yang diperkenalkan pada 1987 sudah mengiktiraf seramai 34 adiguru merangkumi pelbagai bidang termasuk ukiran kayu, tenunan songket, sulaman nyonya, tenunan dasar, labu sayong, pandai besi dan sebagainya.


Pengarah Bahagian Pemeliharaan Kraftangan Malaysia, Parbiyah Bachik, berkata Adiguru Kraf adalah pengiktirafan oleh Kraftangan Malaysia kepada tokoh atau pengamal seni kraf berkemahiran tinggi dan memberi sumbangan besar dalam membangun dan mengembangkan seni kraf negara.

PARBIYAH menunjukkan mesin tenunan songket.



MUHD AEFIE FARHAN HANAFI | BERITA HARIAN

SULAMAN corak bunga dan burung pada baju kebaya.



KERIS Panjang Gading (Ulu Tapak Kuda).

ada akan dilantik sebagai Tokoh Kraf Negara sebagai kesinambungan kepada kraf warisan. Selain pengetahuan dan kepakaran tinggi, adiguru dianggap tokoh serta sumber rujukan penting kalangan masyarakat setempat,” katanya mengenai Adiguru Kraf yang dipilih melalui proses dilakukan setiap tahun.

Parbiyah berkata, selain kemahiran, kriteria lain yang diperlukan untuk seseorang bergelar adiguru ialah keupayaan menyuntik elemen baru dalam rekaan sehingga ia menjadi ikutan generasi pengusaha selanjutnya.

“Keutamaan diberikan kepada mereka yang pernah menghasilkan inovasi rekaan misalnya dilakukan Tokoh Kraf Negara yang juga adiguru tenunan songket, Habibah Zikri menerusi motif tampuk manggis. Beliau penggiat songket pertama memperkenalkan teknik melukis atas fabrik.

“Jika sebelumnya, songket dikenali melalui corak berulang dan berpetak, di tangan Habibah lahir pelbagai karya baru seperti rekaan bunga sejambak dan awan larat yang kini menjadi ikutan,” katanya sambil menambah oleh kerana pengalaman dijadikan ukuran, tidak hairanlah majoriti adiguru yang ada hari ini berusia 50 tahun ke atas dan secara kasarnya mempunyai sekurang-ku-

rangnya 30 tahun pengalaman dalam seni kraf yang dikuasai.

Adiguru Kraf

Adiguru diberikan faedah mengadakan promosi di dalam dan luar negara, dibantu dari segi jualan produk selain berpeluang mengadakan pameran serta demonstrasi.

“Kraftangan Malaysia menyediakan kursus dan kelas jangka pendek kepada generasi muda untuk menimba ilmu dengan adiguru yang dilantik. Ini cara berkesan menyuburkan minat ramai terhadap industri ini selain memastikan kraf warisan mempunyai generasi penyambung,” kata Parbiyah.

Bagi memastikan kraf berkenaan terus berkembang dan dapat menjadi warisan, produk perlu ditampikan dalam bentuk baru, misalnya jika dastar dulunya dikenali sebagai tanjak atau aksesori kepala masyarakat Bajau, berkat inisiatif dan kreativiti pereka Kraftangan Malaysia, fungsinya kini diperluaskan menjadi alas meja panjang, beg selimpang, kasut, sarung kusun dan sebagainya.

Parbiyah berkata, bantuan berbentuk pembangunan produk itu diharapkan berupaya menyuntik nilai komersial industri kraf tempatan berasaskan kraf warisan.

Adiguru yang disegani dan

menjadi pakar rujuk industri kraf yang diiktiraf Kraftangan Malaysia antaranya Sabnah Dullah (tenun Mugah), Rubangki Mabok (tenun Rungus), Ramiah Abdullah (tenun Dastar), Pandian Sulaiman (tenun Sambitan), Bangie AK Embol (tenun Pua), Dayang Norsalam (songket Sarawak), Andah AK Lembang (pasu Iban), Che Isa Samat (serunai), Abdullah Daud (pandai besi), Che Mud Che Awang (jebak puyuh), Mat Yaacob Awang Besar (rebana).

Shafie Jusoh (wau), Abdullah Muda (bot tradisional), Habibah Zikri (songket), Wan Mustafa Wan Su (ukiran kayu), Lim Swee Kim (sulaman nyonya), Hawa Ngah Salam (tembikar pulau tiga), Azizah Mohd Yusof (tekat benang emas), Noriah Mohd Ali (tembikar tembeling), Nortipah Abdul Kadir (tenun Pahang), Pion AK Bumbong (ukiran patung), Salleh Mohd (tambaga) dan Abdul Manan Haji Yakub (barangan perak).

Tokoh Kraf Negara

Ia penghormatan dan pengiktirafan tertinggi Kraftangan Malaysia kepada Adiguru Kraf. Tokoh Kraf Negara pertama pada 1988 ialah Tengku Ibrahim Tengku Wok menerusi ukiran kayu halus, diikuti Zainab Mamat (songket) pada 2002 dan Habibah

Zikri, perintis motif rekaan kontemporari songket pada 2007.

Mereka adalah Adiguru Kraf yang dipilih sebagai Tokoh Kraf Negara melalui proses pemilihan dua tahun sekali sejak 1986. Pencalonan Tokoh Kraf Negara 2011 kini dibuka dan penganugerahan akan disampaikan semasa sambutan Hari Kraf Kebangsaan pada Februari 2011.

Menyifatkannya landasan sesuai mengembalikan kegemilangan kraf silam, Parbiyah berkata, Tokoh Kraf Negara dan Adiguru Kraf memikul tanggungjawab berat memupuk minat dan kecintaan masyarakat terhadap keindahan seni kraf itu sendiri.

“Bukan semua masyarakat celik dan mahu menghayati seni kraf yang berjasa besar membina tamadun bangsa ini. Diharapkan Tokoh Kraf dan Adiguru Kraf yang masih aktif mampu mengubah tanggapan umum supaya lebih menghargai, sekali gus menjadikan kraf sebahagian gaya hidup yang ditonjolkan menerusi barangan hiasan rumah serta aksesori tubuh.

“Sokongan terhadap hasil kraf tempatan yang memerlukan ketelitian tinggi seharusnya terus dihargai dan dimartabatkan oleh masyarakat. Lantaran itu, generasi muda juga perlu mewujudkan perasaan minat dan menyintai produk kraf tempatan,” kata Parbiyah.



UKIRAN Harimau Berantai antara hasil kraftangan Pion Anak Bumbong.

INFO

- Kemudahan dan faedah untuk Adiguru Kraf
- Mengikuti seminar, bengkel dan demonstrasi dianjurkan Kraftangan Malaysia di dalam atau luar negara.
- Menjadi tenaga pengajar latihan kemahiran dan bimbingan kepada pelatih anjuran Kraftangan Malaysia.
- Kemahiran dan kegiatan mereka didokumentasi di bawah Kraftangan Malaysia.
- Ganjaran dan elaun RM500 sebulan selama lima tahun.
- Perlindungan insurans bagi pembabit dalam aktiviti rasmi dianjurkan Kraftangan Malaysia.
- Aktiviti Kraf
- Pameran Tokoh Kraf Negara dan Adiguru Kraf di Muzium Kraf, Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Jalan Conlay, 50450 Kuala Lumpur.
- Sambutan Hari Kraf Kebangsaan 2011 mulai 23 Februari -7 Mac di Kompleks Kraf Kuala Lumpur.
- Maklumat dan pertanyaan mengenai Tokoh Kraf Negara dan Adiguru Kraf, layari www.kraftangan.gov.my.